

Karyawan Melayu antara tunggak Hospital Raffles

► NIZAM ISMAIL
nizam@sph.com.sg

SEKUMPULAN profesional Melayu dalam bidang penjagaan kesihatan kini membentuk sebahagian daripada pasukan utama Hospital Raffles.

Pegawai yang terdiri daripada pelbagai bidang profesional kesihatan yang merangkumi doktor, doktor pakar, fisoterapi serta kejururawatan telah memperkuuh pasukan Hospital Raffles dalam mengembangkan tukikan perkhidmatan bagi

pesakit Muslim dari seluruh dunia khususnya.

Nama seperti pakar jantung yang juga Rakan Pengurusan Pusat Jantung Raffles, Dr Abdul Razakjr Omar; Konsultan Neurologi di Pusat Sains Saraf dan Rakan Pengurusan Hospital Raffles, Dr Mohammed Tauqueer Ahmad, serta Konsultan Perbidanan dan Sakit Puan di Hospital Raffles, Dr Jazlan Joosoph, merupakan pakar di hospital tersebut.

Malah, Dr Abdul Razakjr dan Dr Mohammed Tauqueer juga membantu dalam pembangunan dasar dan

prosedur tadbir urus klinikal sebagai Rakan Kongsi Pengurusan.

Begini juga dengan ahli fisioterapi Cik Nur Farahdyna Putri Kamarudin, dan Pengurus Wad Pesakit Dalam, Cik Sadiah Mohd Yusof, — yang turut bertanggungjawab memantapkan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang cekap, berkesan dan bermutu.

Pengurus Besar Hospital Raffles, Dr Donald Poon, berkata:

“Saya yakin doktor-doktor Melayu/Islam telah menyumbang dengan ketara sejak beberapa tahun. Ki-



BERI IMPAK: Kakitangan profesional Hospital (dari kiri) Cik Nur Faradyna Putri Kamarudin, Dr Abdul Razakjr Omar, Cik Sadiah Mohd Yusof dan Dr Mohammed Tauqueer Ahmad sama-sama membangunkan tukikan di hospital itu dalam menyediakan khidmat kepada pesakit Muslim – Foto TUKIMAN WARJI

ni, kami mempunyai rakan pengurusan di kalangan pakar dan pemimpin kanan di kalangan doktor rawatan awam (GP).

“Mereka berada di tahap sekarang hari ini melalui kerja keras dan persaingan tanpa keistimewaan khas.

“Kini, sejak doktor-doktor

Melayu/Islam berada di sini, kami membenarkan mereka meluaskan kepakaran mereka secara bebas bagi melakukan yang terbaik iaitu merawat pesakit, namun bukan sebagai individu tetapi dalam persekitaran yang berasaskan pasukan bagi membahulkan hasil klinikal yang lebih baik bagi pesakit bersama-sama dengan doktor yang lain.”

Menurut Dr Poon lagi, doktor Melayu/Islam di Hospital Raffles dipilih berdasarkan merit dan bukan tokenisme.